

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 APRIL 2021
RABU



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S


UTUSAN MALAYSIA

SUNGAI BULUH SENASIB KIM KIM

2



UTUSAN MALAYSIA



HASSAN Abdul Karim (kanan) meninjau keadaan Sungai Buluh di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang, Johor yang kotor dan busuk sehingga dikategorikan sebagai antara sungai paling tercemar di negara ini.

- UTUSAN/KHAIRUL MOHD. ALI

Sungai Buluh senasib Kim Kim?

Oleh KHAIRUL MOHD ALI
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR GUDANG: Selepas *Utusan Malaysia* melaporkan Sungai Kim Kim dan Sungai Selangkah berada dalam keadaan tenat, sebatang lagi sungai yang berada dalam kawasan perindustrian Pasir Gudang iaitu Sungai Buluh turut dikategorikan tercemar.

Malah Sungai Buluh juga disifatkan sebagai "sungai mati" kerana airnya berwarna hitam pekat dengan bau yang busuk dan meleyakan apabila berada di sekitarnya.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim berkata, rancangan pemuliharaan jangka pendek dan jangka panjang perlu diteliti dan disegerakkan kerana sungai berkenaan berada pada tahap kritis.

Menurutnya, pihak berkuasa dilahat gagal menangani pencemaran di sungai itu dengan cara yang berkesan.

"Sungai Buluh yang mengalir di kawasan industri boleh disifatkan sebagai "sungai mati". Ini kerana airnya berwarna hitam pekat dengan bau yang busuk dan meleyakan apabila berada di kawasan

sekitar.

“Itu belum lagi dibuat kajian tentang keadaan kualiti air, jadi saya mendesak agar usaha menghidupkan Sungai Buluh dilakukan dalam kita mencapai pembangunan yang mapan dan lestari,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerusi Laporan Kualiti Alam Sekitar (EQR) sebelum ini meletakkan Sungai Buluh

dan Sungai Tukang Batu di sini juga dalam kategori kelas lima atau sangat mati.

Sungai Buluh disenaraikan sebagai sungai tercemar di Johor dan antara lima sungai yang paling tercemar di negara ini.

Hassan berkata, pencemaran di sungai tersebut mula berlaku sejak 70-an akibat aktiviti perindustrian di kawasan sekitar.

“Perkara ini juga sudah banyak kali dilaporkan namun sehingga kini keadaan sungai itu masih sama.

“Sehubungan itu kita meminta pihak industri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG), JAS, Pegawai Daerah Johor Bahru dan kerajaan negeri supaya mengambil tindakan bersepadu bagi menyelamatkan sungai tersebut,” jelasnya.

Selain itu, tambahnya, masyarakat perlu memainkan peranan dan lebih bertanggungjawab menjaga sungai dengan tidak membuang sampah sarap ke dalamnya selain merasakan sungai itu berpotensi dijadikan kawasan riadah jika berjaya dipulihkan nanti.

